KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Berita Harian |
| TAJUK | Pertikaian dana KKDW sentuh kantung kontraktor, bukan isu politik |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/k4rkt8b3 |

# Pertikaian dana KKDW sentuh kantung kontraktor, bukan isu politik

Oleh Mohd Norazam Muhammad - September 8, 2026 @ 10:43am




KKDW menyusun semula peruntukan dalaman, mengehadkan komitmen baharu serta membatalkan atau mengekang projek sebelum memohon pembiayaan tambahan pada suku kedua 2026. - Foto fail NSTP

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

PERTIKAIAN mengenai pembiayaan jalan luar bandar Malaysia sedang digambarkan sebagai pertelingkahan politik antara Kementerian Kewangan (MoF) dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Namun rekod dokumentari menunjukkan isu lebih teknikal dan penting iaitu pertembungan antara peruntukan tahunan, komitmen kontrak berbilang tahun, obligasi pembayaran terkumpul dan penggunaan istilah.

Sehingga semua kategori ini diselaraskan projek demi projek, dakwaan KKDW berbelanja secara haram melebihi peruntukan atau MoF sengaja menahan dana masih melampaui bukti tersedia.

Kenyataan MoF pada 2 September lalu menyatakan tiada sekatan dikenakan terhadap peruntukan jalan luar bandar projek di bawah KKDW dan pembiayaan diluluskan disalurkan sepenuhnya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Utusan Malaysia |
| TAJUK | Tiada kementerian belanja lebih daripada peruntukan |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/y2c2tbbt |

# Tiada kementerian belanja lebih daripada peruntukan



AHMAD Zahid Hamidi dan dari Menteri Komunikasi, Datuk Seri Fahmi Fadzil ketika melawat galeri PKD di Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya, semalam.

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 8 September 2026, 8:05 am

CYBERJAYA: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tidak akan membelanjakan peruntukan melebihi jumlah yang telah diluluskan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, segala perbelanjaan kementerian itu adalah berdasarkan peruntukan yang dinyatakan dalam belanjawan atau jumlah yang telah diluluskan kerajaan.

"Perkara yang dibelanjakan itu secara tidak langsung menjawab persoalan KSP (Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Johan Mahmood Merican) walaupun beliau tidak ada di sini.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Newswav |
| TAJUK | Tiada kementerian belanja lebih daripada peruntukan |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/ymf8t5bj |

# Tiada kementerian belanja lebih daripada peruntukan

Local | Politics | 8 Sep 2026 • 8:05 AM MYT

Utusan Online
Berita terkini, tepat dan dipercayai daripada Utusan Malaysia



CYBERJAYA: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tidak akan membelanjakan peruntukan melebihi jumlah yang telah diluluskan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, segala perbelanjaan kementerian itu adalah berdasarkan peruntukan yang dinyatakan dalam belanjawan atau jumlah yang telah diluluskan kerajaan.

"Perkara yang dibelanjakan itu secara tidak langsung menjawab persoalan KSP (Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Johan Mahmood Merican) walaupun beliau tidak ada di sini.

"Tiada sebuah kementerian belanja melebihi yang dinyatakan dalam ucapan belanjawan atau yang telah diperuntukkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi pembukaan Bengkel Kerjasama Strategik Pusat Komuniti Desa (PKD) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di sini semalam.

Sebelum ini, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah mendedahkan wujud isu kelewatan pembayaran kepada kontraktor yang melaksanakan projek pembangunanan di bawah kementerian itu.

Bagaimanapun, Johan dalam kenyataan menafikan terdapat sebarang sekatan terhadap peruntukan KKDW bagi projek jalan luar bandar, sebaliknya keseluruhan peruntukan berkenaan telah disalurkan.

Beliau malah turut menjelaskan, kekangan dalam proses pembayaran kepada kontraktor berpunca daripada peruntukan tahun semasa yang hampir keseluruhannya telah dibelanjakan.


KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Malaysia Gazette |
| TAJUK | KKDW will not spend beyond approved allocation |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/j9ke6vkn |

MALAYSIA NEWS GAZETTE

General Business Politics Technology Medical Sports Press Releases Search...



GENERAL

# KKDW Will Not Spend Beyond Approved Allocation – Ahmad Zahid

SEPTEMBER 7, 2026

Kuala lumpur: The Rural and Regional Development Ministry (KKDW) will not exceed the government-approved expenditure limits, affirmed Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

According to BERNAMA News Agency, the Deputy Prime Minister emphasized that the ministry's financial actions align strictly with the budget or approved governmental allocations. "What has been spent indirectly answers the question raised by KSP (Treasury secretary-general Tan Sri Johan Mahmood Merican). No ministry can spend beyond what was stated in the budget speech or the approved allocation," stated Ahmad Zahid during the Strategic Collaboration Workshop between the Rural Community Centres (PKD) and National Information Dissemination Centres (NADI).

The issue of KKDW's budget allocations came into focus after Ahmad Zahid addressed delays in payments to contractors executing ministry projects. He noted that these delays were impacting contractors involved in government projects and highlighted the necessity of resolving this issue to prevent ongoing payment delays.

On September 2, Johan Mahmood Merican clarified that there were no restrictions concerning KKDW's allocation for rural road projects, confirming that the complete funding for these projects had already been distributed.

ADVERTISEMENT

RECENT POST

**Malaysia Honored as Guest Country for 2027 Harbin Expo**
SEPTEMBER 27, 2026

**Malaysia and Kazakhstan to Collaborate on Higher Education Initiatives**
SEPTEMBER 27, 2026

**Malaysia to Re-export Over 1,200 E-Waste Containers by 2026**
SEPTEMBER 27, 2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | BERNAMA |
| TAJUK | PM Anwar scheduled to attend and support national contingent at WSC 2026 in Shanghai |
| PAUTAN | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2604703 |

GENERAL > NEWS

# PM Anwar Scheduled To Attend And Support National Contingent At WSC 2026 In Shanghai - Ahmad Zahid

08/09/2026 08:39 PM




KUALA LUMPUR, Sept 8 (Bernama) -- Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is scheduled to attend the WorldSkills Competition (WSC) 2026 in Shanghai, China, to provide moral support to the 22 national participants competing in the prestigious world-class skills competition.

Anwar's presence at the competition, which runs from September 22 to 27, marks the first time a Prime Minister will be attending in person to support the national contingent at the event.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also the Chairman of the National Technical and Vocational Education and Training (TVET) Council, said meeting the national participants has been included in Anwar's itinerary during his time in Shanghai, alongside his role as Minister of Finance.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Astro Awani |
| TAJUK | Anwar dijadual hadiri WSC 2026 sokong kontinjen negara |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/r7abpvhd |

MALAYSIA

# Anwar dijadual hadiri WSC 2026 sokong kontinjen negara

Bernama
08/09/2026 | 21:00 MYT

Dapatkan berita terkini setiap masa di aplikasi Astro AWANI
App Store Google Play AppGallery Muat Turun Sekarang



Ahmad Zahid berucap pada majlis Perjumpaan Khas Delegasi Malaysia ke Worldskills Shanghai 2026 di Menara Dato' Onn. - Gambar Bernama

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual menghadiri WorldSkills Competition (WSC) 2026 di Shanghai, China, bagi memberikan sokongan moral kepada 22 peserta negara yang bakal berentap dalam pertandingan kemahiran berprestij dunia itu.

Kehadiran Anwar pada pertandingan yang berlangsung dari 22 hingga 27 Sept itu bakal menyaksikan buat julung-julung kali seorang Perdana Menteri hadir secara langsung bagi memberikan sokongan kepada kontinjen negara pada pertandingan berkenaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | KLASIK fm |
| TAJUK | Kerjasama NADI, PKD utamakan sinergi, penyampaian perkhidmatan kepada rakyat |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/2u4hkde6 |

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | KLASIK fm |
| TAJUK | Ahmad Zahid menyeru ilmuwan Islam perlu memahami perkembangan teknologi dan perubahan semasa |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/4s9s957k |

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | TRAXX fm |
| TAJUK | The collaboration between the KKDW and MCMC on coordinating the Rural Community Centres and National Information Dissemination centre is now the must be finalised for cabinet consideration within a month |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3f36vm48 |

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | TRAXX fm |
| TAJUK | KKDW will not spend beyond the allocation approved by the government |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/28ufv5fe |

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | TV1 |
| TAJUK | Kerjasama PKD-NADI perlu dimuktamad dalam tempoh sebulan |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/775ebptp |

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Daily Express |
| TAJUK | KKDW won't exceed approved allocation https://tinyurl.com/mrksuafz |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/775ebptp |

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Berita Harian |
| TAJUK | Pertikaian dana KKDW sentuh kantung kontraktor, bukan isu politik |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3x6cza3n |

# Pertikaian dana KKDW sentuh kantung kontraktor, bukan isu politik



Penganalisis ekonomi dan politik bebas

Oleh Mohd Norazam Muhammad
bhrencan@bh.com.my

**Pertikaian** mengenai pembiayaan jalan luar bandar Malaysia sedang digambarkan sebagai pertelingkahan politik antara Kementerian Kewangan (MoF) dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Namun rekod dokumentari menunjukkan isu lebih teknikal dan penting iaitu pertembungan antara peruntukan tahunan, komitmen kontrak berbilang tahun, obligasi pembayaran terkumpul dan penggunaan istilah.

Sehingga semua kategori ini diseiraskan projek demi projek, dakwaan KKDW berbelanja secara haram melebihi peruntukan atau MoF sengaja menahan dana masih melampaui bukti tersedia.

Kenyataan MoF pada 2 September lalu menyatakan tiada sekatan dikenakan terhadap peruntukan jalan luar bandar projek di bawah KKDW dan pembiayaan diluluskan disalurkan sepenuhnya.

MoF merekodkan peruntukan diluluskan berbanding perbelanjaan sebenar sebanyak RM1.1 bilion berbanding RM1.8 bilion pada 2023, RM1.3 bilion berbanding RM2.0 bilion pada 2024 serta RM1.6 bilion berbanding RM2.3 bilion pada 2025.

Bagi 2026, RM2.1 bilion diperuntukkan dan RM1.9 bilion dibelanjakan sehingga Jun lalu. MoF menyatakan KKDW mempunyai komitmen melebihi peruntukan tahunan dan tambahan RM300 juta diluluskan untuk membantu menyelesaikan tunggakan kontraktor.

KKDW mempertikaikan istilah itu, bukannya kewujudan tekanan pembayaran. Setiausaha Akhbar Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Fadzmel Fadzil berhujah prosedur kewangan dan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS) menghalang kementerian daripada berbelanja sewenang-wenangnya melebihi had dibenarkan.

Menurutnya, kelewatan projek era COVID-19 menyebabkan liabiliti kontrak dibawa ke tahun berikutnya, apabila kontraktor menyambung kerja dan mencapai kemajuan diperakui, kerajaan tetap mempunyai obligasi pembayaran.

KKDW juga menyatakan ia menyusun semula peruntukan dalaman, mengehadkan komitmen baharu serta membatalkan atau mengekang projek sebelum memohon pembiayaan tambahan pada suku kedua 2026.

Perbezaan itu fundamental. Peruntukan tahunan berbeza daripada komitmen kontrak, liabiliti terakru, tuntutan diperakui atau obligasi tahun hadapan.

Sesebuah kementerian boleh mempunyai projek berbilang tahun diluluskan secara sah dengan komitmen kumulatif melebihi peruntukan tunai satu tahun tanpa keadaan itu sendiri membuktikan perbelanjaan haram.

Sebaliknya, memasuki komitmen tanpa peruntukan hadapan mencukupi boleh menunjukkan kelemahan pengurusan komitmen walaupun setiap pembayaran akhirnya melalui kawalan sah.

Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan dan sistem perakaunan kerajaan memerlukan kuasa Parlimen sebelum perbelanjaan diperuntukkan boleh melebihi had dibenarkan.

Panduan perakaunan menetapkan peruntukan mesti kekal dalam had dibenarkan melalui undang-undang bekalan atau kuasa sah lain. Oleh itu, jadual agregat MoF membuktikan ketidakpadanan pembiayaan berulang, tetapi tidak dengan sendirinya membuktikan pelanggaran undang-undang.

Penentuan sedemikian memerlukan waran, kontrak, rekod komitmen, kuasa tambahan, tuntutan diperakui dan kronologi pembayaran.

RM300 juta menggambarkan masalah semantik ini. MoF menyifatkannya sebagai peruntukan tambahan bagi 2026. KKDW menyatakan ia pembiayaan sepatutnya disalurkan melalui Surat Kuasa Berbelanja dikeluarkan pada 1 September untuk menampung komitmen terdahulu dan tunggakan.

Kedua-dua gambaran memerlukan penelitian terhadap Surat Kuasa Berbelanja (SKB), sumber pembiayaan, tujuan, layanan perakaunan dan hubungannya dengan siling asal RM2.1 bilion.

## Kecurigaan politik bukan rekod perakaunan

Aduan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tertumpu kepada kontraktor sudah melaksanakan kerja, mencapai tahap kontrak tetapi masih belum dibayar dengan amaran mengenai kesan aliran tunai kepada pembekal, subkontraktor dan ekonomi tempatan.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Mohd Akmal Saleh mempersoalkan sama ada kekangan kewangan atau agenda lain menjelaskan kekurangan itu manakala Ketua Penerangan UMNO Pahang, Datuk Shahaniza Shamsuddin pula mempersoalkan bagaimana KKDW boleh terlebih berbelanja apabila MoF mengawal waran.

Soalan ini sah, tetapi dakwaan terdapat kempen sengaja untuk merosakkan reputasi Ahmad Zahid masih belum terbukti. Kecurigaan politik bukan rekod perakaunan.

Tanggungjawab pula tersebar. Parlimen meluluskan peruntukan, MoF mengawal siling fiskal dan waran, KKDW mesti merancang program serta komitmen dalam sumber tersedia, agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) menyelia projek berkaitan, memperakui kemajuan dan memproses dokumentasi pembayaran. Apabila satu rantaian gagal, kontraktor menanggung akibat sebelum pertikaian institusi diselesaikan.

Penyelesaiannya harus forensik, bukannya partisan. MoF dan KKDW perlu menerbitkan rekonsiliasi bersama bagi setiap projek jalan luar bandar terjejas, menyenaraikan peruntukan tahunan, kuasa tambahan, waran, komitmen kontrak, arahan perubahan, tuntutan diperakui, pembayaran dibuat, tunggakan dan obligasi tahun hadapan.

Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), jika perlu harus menguji sama ada komitmen diluluskan, diramalkan dan dibayar mengikut kontrak serta peraturan kewangan.

Pertikaian ini melangkaui Putrajaya. Pembayaran tertangguh boleh melemahkan kontraktor Bumiputera, mengganggu penyampaian infrastruktur luar bandar dan menjejaskan keyakinan terhadap perolehan kerajaan. Pada masa sama, menormalisasikan komitmen tanpa pembiayaan wibawa akan melemahkan disiplin fiskal.

Kerajaan memerlukan satu jawapan institusi, bukan naratif politik bersaing. Lindungi kontraktor menyiapkan kerja diperakui, pelihara kawalan Parlimen terhadap wang awam, tingkatkan ramalan komitmen berbilang tahun dan wujudkan pemantauan tunggakan masa nyata.

Kredibiliti fiskal paling kukuh apabila kementerian boleh berbeza pandangan, menyelaraskan angka secara jelas dan telus serta menerbitkan bukti. Dalam kewangan awam, retorik mahupun hierarki tidak menyelesaikan lejar, dokumen penentunya dan itulah piawaian akauntabiliti seharusnya dipertahankan setiap institusi kerajaan.

> Penyelesaiannya harus forensik, bukannya partisan. MoF dan KKDW perlu menerbitkan rekonsiliasi bersama bagi setiap projek jalan luar bandar terjejas, menyenaraikan peruntukan tahunan, kuasa tambahan, waran, komitmen kontrak, arahan perubahan, tuntutan diperakui, pembayaran dibuat, tunggakan dan obligasi tahun hadapan



*KKDW menyusun semula peruntukan dalaman, mengehadkan komitmen baharu serta membatalkan atau mengekang projek sebelum memohon pembiayaan tambahan pada suku kedua 2026.* (Foto fail NSTP)

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Berita Harian |
| TAJUK | Akta ganti AUKU tak boleh sekat mahasiswa, ahli akademik |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3rfnbnzm |

# Akta ganti AUKU tak boleh sekat mahasiswa, ahli akademik

**Kuala Lumpur:** Akta baharu yang akan menggantikan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) kelak, tidak boleh mewujudkan bentuk sekatan baharu terhadap mahasiswa dan ahli akademik.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perbahasan mengenai AUKU kini tidak lagi perlu tertumpu kepada persoalan, sama ada akta itu perlu dikekalkan atau dimansuhkan kerana kerajaan sudah membuat keputusan untuk memansuhkannya.

Ahmad Zahid berkata, perhatian sebaliknya perlu diberikan kepada kerangka perundangan dan tadbir urus baharu yang mampu memberikan autonomi lebih besar kepada universiti, selain memastikan kebertanggungjawaban dapat diukur.

"Jangan sekat mahasiswa melalui cara lain. Jangan juga sekat ahli akademik melalui cara lain.

"Sebab itu, pada konvensyen ini, kita meletakkan kepercayaan kepada Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir) untuk menterjemah tanggungjawab dan harapan bersama ini kepada tindakan," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO, berkata autonomi universiti perlu disertai ukuran prestasi yang jelas, termasuk aspek kualiti pembelajaran, mobiliti graduan dan impak penyelidikan.

Berdasarkan pengalamannya sebagai aktivis mahasiswa, Ahmad Zahid, berpandangan golongan itu perlu diberikan ruang untuk lebih aktif dalam proses membuat keputusan dan menyumbang idea baharu.

"Tidak perlu dan tidak semestinya berada di jalanan atau di sudut pidato setiap minggu, atau mengadakan perarakan dengan memakai baju berlainan warna setiap minggu.

"Bagaimanapun, saya yakin pemimpin mahasiswa dan mahasiswa secara keseluruhannya akan membentuk pemikiran yang lebih maju tanpa AUKU, yang menyekat pemikiran dan minda mereka," katanya.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan penutup pada konvensyen berkenaan, Zambry, berkata peralihan daripada AUKU kepada kerangka baharu perlu dilaksanakan secara sistematik bagi memperluas autonomi universiti, kebebasan akademik dan ruang mahasiswa untuk bersuara serta berorganisasi, tanpa menjejaskan tadbir urus dan operasi universiti.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA**<br>**9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Berita Harian |
| TAJUK | Bawa keluar pelajar Melayu daripada kemiskinan ilmu |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/9jxtcuvh |

Zahid Hamidi garis lima misi pendidikan Melayu 2035 bagi menangani cabaran dihadapi mereka dalam bidang itu *Nasional* 4

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | The Star |
| TAJUK | Zahid: Greater university autonomy must come with accountability |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/5n8byn7b |

# Zahid: Greater university autonomy must come with accountability

By NAN HIDAYAT NAN AZMIE
hidayat.azmie@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Universities must be granted greater operational autonomy but this freedom must be matched by measurable accountability, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said a new legal framework for higher education should allow institutions more flexibility while holding them accountable for learning quality, graduate mobility and research impact.

"Universities need more operational space, but that space must come with measurable accountability," he said at the close of the 2026 Malay Education Convention yesterday.

Ahmad Zahid noted that following the repeal of the Universities and University Colleges Act 1971 (AUKU), focus has shifted to drafting replacement legislation.

"The central question now is what shape the new Act will take as a governance guideline for higher education," he explained.

Ahmad Zahid said students must be given greater platforms to participate in decision-making and contribute new ideas.

He added that student activism should shift away from street demonstrations, speeches or rallies to focus on intellectual and professional development.

"I am confident that students will develop a broader mindset without AUKU restricting their thinking," he said.

"We must not restrict students or academics through alternative methods."

Ahmad Zahid stressed that educational success should not be measured solely by enrolment, certificates or qualifications.

"Graduation is the output; mobility is the outcome," he said, noting that the proposed Education Mobility Index will track socioeconomic background, academic achievement, study pathways, employment, skills matching and income progression.

He urged institutions with a bumiputra mandate to target an 80% graduate employment rate in fields matching their qualifications.

Highlighting Technical and Vocational Education and Training (TVET) as a key vehicle for social mobility, Ahmad Zahid noted its 95.9% average graduate employability rate in 2025.

He said the government, alongside private sector partners, aims to secure a premium starting salary of RM3,500 monthly for TVET graduates.

"Certificates open doors, but skills, productivity and value determine progress," he said.

He added that Malaysia must transition from producing knowledge workers to creating knowledge owners – such as tech founders and patent holders – measuring research success through commercial patents, licensing, spin-offs and industrial solutions.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA<br>9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | Makkal OSai |
| TAJUK | Lebih 600 pelajar suku di universiti dan kolej - Amad Zahid |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/kh4m6vvw |



பல்கலைக்கழகம், கல்லூரிகளில்

# 600க்கும் மேற்பட்ட பழங்குடியின மாணவர்கள் - அமாட் ஸாஹிட்



கிருஷ்ணன் ராஜு

இஸ்கண்டார் புத்ரி,செப்.9-

2026ஆம் ஆண்டில் நாடு முழுவதும் உள்ள பல்கலைக்கழகங்கள், கல்லூரிகளில் 600-க்கும் மேற்பட்ட ஓராங் அஸ்லி மாணவர்கள் கல்வி பயின்று வருவது பெருமையளிப்பதாக துணைப் பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ டாக்டர் அமாட் ஸாஹிட் ஹமிடி தெரிவித்துள்ளார்.

அவர் கூறுகையில் ஓராங் அஸ்லி சமூகத்தின் சமூக-பொருளாதார நிலையை உயர்த்துவதற்கு கல்வி முக்கிய பங்கு வகிக்கிறது என்றார்.இதற்காக பகாங் மாநிலம் மாரானில் உள்ள பாயா பூங்கோர் பகுதியில் ஓராங் அஸ்லி மாணவர்களுக்காக விளையாட்டுப் பள்ளி, பயிற்சி மையம் அமைக்கப்பட்டுள்ளதாக கிராமப்புற, மேம்பாட்டுத்துறை அமைச்சருமான அவர் தெரிவித்தார். புதிய விளையாட்டுத் திறமைகளை கண்டறிவதுடன் கல்வி சாதனையை மேம்படுத்துவதும் இதன் நோக்கம் என அவர் கூறினார்.

மேலும் தொழில்நுட்ப, தொழிற்கல்வி (திவெட்) பயிற்சிக்காக அமைக்கப்பட்டுள்ள பயிற்சி மையத்தில் தற்போது 135 ஓராங் அஸ்லி மாணவர்கள் பயின்று வருவதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

| **LIPUTAN MEDIA**<br>**9 SEPTEMBER 2026 (RABU)** | |
|---|---|
| MEDIA | The Sun |
| TAJUK | NEP goals of restructuring society, erasing poverty still relevant |
| PAUTAN | https://tinyurl.com/3bwb4e27 |



‘NEP goals of restructuring society, erasing poverty still relevant’

Prime minister says policy about national upliftment, not creating privileges for select few.

Report on page 2